

03/02/2001

Pemaju hartanah wajar contohi Putrajaya

Zulkofli Jamaludin

PUTRAJAYA, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu pemaju hartanah menjadikan pembangunan Putrajaya yang berkonsep mesra alam, sebagai contoh ketika membangunkan bandar baru dan kawasan perumahan.

Perdana Menteri berkata, pembangunan yang mengekalkan alam sekeliling dan mewujudkan kemudahan taman, membantu meningkatkan nilai sesuatu kawasan hartanah.

Pemaju, katanya, tidak perlu meratakan semua bukit dan menghapuskan kawasan hijau hanya kerana ingin mendapat keluasan maksimum bagi pembangunan mereka.

"Mungkin mereka dapat bina banyak bangunan di kawasan itu jika tarah bukit tetapi kawasan itu tidak menarik hingga pembeli sukar membeli hartanah itu.

"Tetapi jika mereka bangunkan seperti Putrajaya, saya percaya, harga jualan tidak akan menghalang pembeli," katanya ketika merasmikan Taman Wetland Putrajaya hari ini.

Taman tanah lembab seluas 650 hektar itu menyediakan kemudahan rekreasi bertemakan alam sekitar bagi membolehkan pengunjung mempelajari mengenai flora dan fauna.

Wetland juga berfungsi sebagai penapis untuk memerangkap bahan pepejal terampai dan menyerap bahan toksid sebelum air dari taman itu mengalir ke tasik Putrajaya.

Ia adalah taman buatan manusia daripada bekas Ladang Perang Besar hanya sebelum itu hanya mempunyai beberapa alur berukuran dua meter lebar. Antara kemudahan yang disediakan ialah Pusat Penghayatan Alam, Menara Pandang Jauh, kawasan hijau dan denai alam.

Perasmian taman itu diadakan sempena Hari Alam Sekitar Sedunia. Hadir sama ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Mulia dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman.

Dr Mahathir berkata, pemaju perlu melawat Putrajaya dan melihat apa yang boleh dipelajari untuk memajukan kawasan hartanah berkonsepkan hubungan manusia dan alam.

"Pemaju tidak perlu menyediakan taman tanah lembab yang besar tetapi memperuntukkan sedikit kawasan sebagai taman untuk digunakan sebagai saluran menapis air dan sebagainya.

"Malaysia akan menjadi lebih indah melalui gabungan lanskap dan kemudahan taman serta mampu menjadi daya penarik kuat kepada pembeli untuk memiliki hartanah," katanya.

Beliau berkata, Wetland kini menjadi salah satu cara unik menapis air sehingga air berlumpur berwarna coklat boleh bertukar menjadi kehijauan sebelum mengalir ke tasik Putrajaya.

"Taman Wetland kini bukan saja dikunjungi oleh pengunjung tempatan dan luar negara, malah menjadi tumpuan burung, termasuk yang burung dari Russia," katanya.

Selepas merasmikan taman itu dengan melepas burung dan rama-rama, Perdana Menteri melepaskan 500 peserta Wetland Discovery Hunt termasuk dari institut pengajian tinggi dan sekolah menengah sekitar Putrajaya.

(END)